

## **PERJANJIAN PENYEDIAAN PEKERJA BINAAN ASING**

**PERJANJIAN INI** dibuat pada                      haribulan                      20

ANTARA

**CONSTRUCTION LABOUR EXCHANGE CENTRE BERHAD (CLAB)** (No. Syarikat. 634396-W), sebuah syarikat berhad menurut jaminan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai alamat berdaftar di Suite C-5-4, Wisma Goshen, Plaza Pantai, 59200 Kuala Lumpur dan pejabat berdaftar di Level 2, Annexe Blok, Menara Millenium, No.8, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur (kemudian daripada ini di rujuk sebagai '**MAJIKAN**') di satu bahagian;

DAN

Sebuah syarikat pembinaan/firma yang nama dan alamatnya seperti berikut:-

**NAMA SYARIKAT**                      :  
**NO PENDAFTARAN SSM** :  
**ALAMAT**                                      :  
**LESEN CIDB**                                      :

(kemudian daripada ini di rujuk sebagai pihak '**KONTRAKTOR**') pada bahagian yang lain.

### **MANAKALA:**

1. CLAB ialah satu syarikat berhad menurut jaminan dan tidak mempunyai modal saham yang telah ditubuhkan pada tahun 2003 oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menerusi keputusan perbincangan Jawatankuasa Kerja Kabinet Pengambilan Pekerja Asing (seterusnya di rujuk sebagai 'JKK-PA') dengan objektif yang termasuk namun tidak terbatas kepada penyediaan dalam membekalkan Pekerja Binaan Asing (kemudian daripada ini dirujuk sebagai 'PBA') kepada syarikat pembinaan di Semenanjung Malaysia;
2. CLAB adalah salah sebuah anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh CIDB.

3. Pihak Kontraktor telah diberikan sebuah projek pembinaan dan/atau berniat untuk memulakan sebuah projek pembinaan;
4. Pihak Kontraktor yang ingin mendapatkan perkhidmatan daripada CLAB untuk mengambil PBA yang layak untuk diambil bekerja di Malaysia sebagai buruh binaan untuk projek-projek pembinaan dan hanya dibenar untuk ditempatkan di Semenanjung Malaysia.

**DENGAN INI DIPERSETUJUI BAHAWA:-**

1. DEFINISI DAN INTERPRETASI:

'Projek Pembinaan'

Bermakna projek pembinaan yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan dan kerajaan tempatan untuk dimulakan kerja;

'Syarikat Pembinaan'

Bermakna satu entiti yang ditubuhkan dibawah undang-undang Malaysia dengan objektif diantaranya melaksanakan kerja pembinaan dan ini termasuk pemilikan tunggal dan perkongsian yang di daftarkan di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);

'Pas Lawatan Kerja Sementara'

Bermakna (PLKS) yang termaktub di bawah peruntukan Peraturan 11 Peraturan-Peraturan Imigresen 1963

'Pekerja Binaan Asing' (PBA)

Pekerja binaan asing (PBA) yang telah dikeluarkan dengan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) diatas nama CLAB

'Majikan Yang Berdaftar'

Kontraktor yang berdaftar dengan CIDB (Majikan)

‘Keselamatan Bangunan Dan Kerja Pembinaan’

Tanggungjawab pihak **KONTRAKTOR, WAJIB** memastikan keselamatan ditempat kerja dan keselamatan ketika bekerja mengikut tahap yang ditetapkan oleh DOSH. Pihak CLAB (Majikan) tidak akan bertanggungjawab jika sekiranya berlaku sebarang kejadian/kemalangan ke atas PBA (pekerja) ketika sebelum, semasa dan selepas kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan

‘Kontrak Pra-Syarat

Surat persetujuan diantara Kontraktor Dan PBA yang telah ditetapkan oleh Negara Sumber masing-masing.

‘AKTA 520’

Perjanjian ini hendaklah dibaca dengan peruntukan di bawah AKTA Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

‘Akta Kerja 1955 dan Peraturan-Peraturan Kerja 1957’

Pekerja yang dilindungi di bawah Akta Kerja 1955 ialah semua pekerja yang menerima gaji tidak melebihi RM2, 000.00 sebulan dan juga semua pekerja manual tanpa had gaji. Jika anda seorang pekerja asing yang sah penggajiannya di negara ini, juga dilindungi oleh Akta Kerja 1955

Akta Keselamatan Sosial

Tanggungjawab Kontraktor: - \*

1. Membayar gaji kepada PBA
2. Mendaftar PBA di PERKESO
3. Mencarum terus bayaran PERKESO
4. Melapor kepada CLAB setiap bulan bukti bayaran gaji dan caruman PERKESO

\* Syarat-syarat ini tertakluk kepada arahan-arahan semasa daripada Kementerian Sumber Manusia / Kementerian Dalam Neheri /Jabatan

'Kos pentadbiran'

Kos pentadbiran yang terakru dalam mentadbir urus proses pengurusan PBA

## **2. SYARAT-SYARAT PERJANJIAN INI**

### **2.1 Tempoh Perjanjian**

Pihak **KONTRAKTOR** yang ingin mendapatkan perkhidmatan CLAB untuk mengupah PBA hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat dan tertakluk kepada pembaharuan atau penyambungan kontrak dengan mengambilkira tempoh sahlaku PLKS PBA seperti mana yang dinyatakan di dalam perjanjian ini.

### **2.2 Persetujuan**

Dalam pertimbangan prestasi dan pemantauan perjanjian ini oleh Pihak Kontraktor: -

- a) CLAB dengan ini membenar dan akan menyediakan PBA sebagai tenaga kerja untuk projek-projek pembinaan sepanjang tempoh kontrak dan Pihak Kontraktor dengan ini mempunyai hak untuk mengupah, menguruskan dan mengawal PBA dan bertanggungjawab terhadap PBA sepanjang tempoh tersebut;
- b) Pihak Kontraktor **WAJIB** menjelaskan semua bayaran yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia dan Negara Sumber PBA bagi proses membawa masuk PBA ke Malaysia;

(.....).  
CLAB

(.....)  
KONTRAKTOR

- c) Selepas menandatangani perjanjian ini, Pihak Kontraktor hendaklah membayar segala kos pentadbiran yang telah ditetapkan oleh CLAB
- d) Sekiranya berlaku mana-mana pembatalan PBA oleh Pihak Kontraktor, CLAB berhak untuk melupuskan kos pentadbiran

### 3. **AKUJANJI PIHAK KONTRAKTOR**

Dalam pertimbangan terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini, Pihak Kontraktor dengan ini mengakujaji seperti berikut:

- a) Kontrak Pra Syarat adalah persetujuan diantara Pihak Kontraktor dan setiap PBA.
- b) Pihak Kontraktor juga perlu mematuhi Akta Kerja 1955 Peraturan-Peraturan Kerja 1957 dan melapor kepada CLAB dalam pada atau sebelum 14 haribulan setiap bulan dalam format di **Lampiran A.**
- c) Pihak Kontraktor **DILARANG** membekalkan PBA kepada kontraktor yang lain;
- d) Pihak Kontraktor hendaklah menyediakan tempat tinggal dan kemudahan asas yang lengkap untuk pekerja;
- e) Pihak Kontraktor wajib memastikan suasana pekerjaan dalam keadaan selamat sepanjang masa;
- f) Pihak Kontraktor bersetuju menerima naziran pada bila-bila masa oleh CLAB tanpa sebarang makluman;
- g) Pihak Kontraktor hendaklah menanggung segala kos tindakan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa jika terdapat pelanggaran undang-undang;
- h) Pihak Kontraktor bertanggungjawab memaklumkan pihak CLAB dalam tempoh **24 Jam** jika berlaku kemalangan yang melibatkan PBA **semasa** atau **selepas** waktu kerja di tempat kerja. Sekiranya Pihak Kontraktor gagal berbuat demikian, Pihak Kontraktor akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa penalti dan/atau hukuman yang dikenakan kepada CLAB oleh perbadanan tertentu dan/atau oleh pihak berkuasa.

(.....).  
CLAB

(.....)  
KONTRAKTOR

i) Pihak Kontraktor juga perlu memastikan bahawa mereka akan menghantar PBA untuk menghadiri "Kursus Induksi Keselamatan Bagi Pekerja Binaan" (SICW) dan Akreditasi. Mengikut Akta 520. **PBA WAJIB mempunyai Kad Pendaftaran Personel Binaan dan mempunyai Sijil Kecekapan Kemahiran (SKK) sebelum memasuki tapak pembinaan.** Pihak Kontraktor dan PBA akan dikenakan penalti oleh CIDB sekiranya PBA mereka didapati tidak mempunyai Kad Pendaftaran Personel Binaan dan Sijil Akreditasi;

j) Pembayaran gaji hendaklah dibuat melalui **akaun bank**.

k) Formula kerja lebih masa mengikut Akta Kerja 1955 seperti dibawah:

Hari biasa :  $\frac{\text{Hari Kerja Normal (26 hari)}}{8} \times 1.5$

Hari istirehat mingguan :  $\frac{\text{Hari Kerja Normal}}{8} \times 2.0$

Hari cuti umum :  $\frac{\text{Hari Kerja Normal}}{8} \times 3.0$

l) Pihak Kontraktor tidak dibenarkan melakukan sebarang potongan gaji PBA atau apa-apa caj yang melibatkan mereka.

m) Pihak Kontraktor hendaklah memaklumkan CLAB dalam tempoh empat belas (14) hari dari penamatan perkhidmatan PBA jika berlaku penghantaran balik atau pengusiran atau apabila tamat PLKS atau apa-apa yang dianggap sebagai penamatan kontrak kerja. Jika gagal berbuat sedemikian, Pihak Kontraktor akan dikenakan apa-apa denda oleh Jabatan Tenaga Kerja dibawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955;

n) Pihak Kontraktor tidak sama sekali dibenarkan untuk membuat pembatalan PLKS seseorang PBA di Jabatan Imigresen Malaysia.

o) Jika PBA meninggal dunia ketika sedang menjalankan kerja-kerja pembinaan, Pihak Kontraktor hendaklah membuat persiapan penghantaran balik dan memberi pampasan sepertimana yang dinyatakan di dalam Skim Pampasan Pekerja Asing;

(.....)  
CLAB

(.....)  
KONTRAKTOR

- p) Pihak Kontraktor bertanggungjawab menghantar balik PBA selepas penamatan kontrak oleh kedua-dua pihak, atau atas sebab-sebab yang timbul semasa bekerja, dengan menyediakan tiket balik di atas perbelanjaan syarikat dan menunaikan insuran mereka dan memulangkan pasport kepada PBA;
- q) Pihak Kontraktor **AKUI** bahawa permit PBA hanya sah di **SEMENANJUNG MALAYSIA** sahaja.
- r) Adalah menjadi tanggungjawab pihak Kontraktor untuk **mendaftar dan mencarum kepada SKIM BENCANA PERKESO**. Kegagalan Pihak Kontraktor berbuat demikian membolehkan CLAB menyenaraihitamkan dan menarik balik PBA yang dibekalkan. Pihak Kontraktor juga akan disenaraihitam jika gagal mematuhi arahan menghantar laporan bulanan menerusi Lampiran A kepada pihak CLAB dalam tempoh masa yang ditetapkan.

#### **4. AKUJANJI CLAB**

Dalam pertimbangan terma dan syarat perjanjian ini, CLAB dengan ini mengakukan seperti berikut:

- a. Akan memastikan PBA memiliki PLKS yang sah.
- b. Melakukan naziran dari masa ke semasa ke tapak pembinaan/kediaman PBA
- c. Akan menguruskan pembebasan jika sekiranya berlaku sebarang tangkapan oleh pihak berkuasa

#### **5. NOTIS UNTUK LANJUTAN (PLKS)**

- a. Pihak Kontraktor yang ingin melanjutkan tempoh PLKS mana-mana PBA hendaklah memaklumkan kepada Pihak CLAB sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan notis sebelum tarikh tamat tempoh PLKS** PBA tersebut.
- b. Jika Pihak Kontraktor tidak memaklumkan kepada CLAB akan penyambungan PLKS PBA seperti mana yang ditetapkan didalam fasal 7(a), Pihak CLAB akan mengenakan kos pentadbiran selaras dengan tempoh sahlaku PLKS tersebut.

(.....)

CLAB

(.....)

KONTRAKTOR

**6. PERWAKILAN DAN WARANTI**

Kedua-dua pihak di sini mengakui bahawa masing-masing telah memasuki Perjanjian ini dengan sepenuhnya bergantung kepada representasi pihak masing-masing dengan syarat-syarat berikut dan mereka kini menjamin kepada satu sama lain bahawa:

- a. Setiap pihak mempunyai hak undang-undang dan bidang kuasa masing-masing untuk meneruskan dan terikat dengan perjanjian ini;
- b. Peruntukan-peruntukan perjanjian ini adalah merupakan kewajipan yang sah pihak kontraktor dalam pembayaran dan caj-caj lain yang dikenakan oleh CLAB
- c. Pelaksanaan dan penyampaian perjanjian ini ataupun prestasi mana-mana daripada transaksi disini tidak akan;
  - i. Melanggar mana-mana peruntukan di dalam mana-mana perjanjian, undang-undang, permit lesen perintah mahkamah atau persetujuan di mana terdapat pihak dan/atau mana-mana daripada aset-asetnya di dalam perjanjian ini atau perniagaannya yang terikat atau terjejas; atau,
  - ii. Menyebabkan apa-apa batasan pada pihak atau kuasa Pengarah pihak tersebut sama ada di kenakan oleh atau di kawal dalam apa-apa dokumen yang mengandungi atau ditubuhkan oleh perlembagaannya atau dalam mana-mana penghakiman perintah undang-undang, perjanjian atau sebaliknya.
- d. Tiada litigasi atau timbangtara atau prosiding pentadbiran atau tuntutan yang mungkin dengan sendirinya atau bersama mempengaruhi keupayaannya untuk menjalankan kewajipan-kewajipannya di bawah perjanjian ini;
- e. Maklumat yang diberikan oleh setiap pihak di dalam perjanjian ini tidak mengandungi apa-apa kenyataan palsu;

(.....)  
CLAB

(.....)  
KONTRAKTOR



- f. CLAB berhak untuk membatalkan perjanjian ini dengan memberi notis kepada Pihak Majikan sebelum tempoh tamat mana-mana PBA sekiranya:
  - i. Pihak Majikan melanggar mana-mana waranti atau mana-mana peruntukan lain perjanjian ini; atau,
  - ii. Mana-mana perbuatan atau kejadian yang berlaku sebelum tarikh perjanjian ini adalah merupakan satu pelanggaran mana-mana daripada syarat waranti; dan
  - iii. Jika Pihak Kontraktor telah melakukan satu penipuan dan apa-apa jua pencabulan undang-undang.

DENGAN SYARAT jika mana-mana pembatalan atau kegagalan oleh CLAB atas kejadian mana-mana perbuatan sedemikian perjanjian ini tidak akan mengecualikan apa-apa hak bagi ganti rugi atau pampasan lain di mana CLAB berhak menuntut jika berlaku pelanggaran atau kejadian sedemikian.

## **7. PERJANJIAN BERSAMA**

Pihak-pihak di dalam perjanjian ini bersetuju dan berjanji kepada satu sama lain bahawa sepanjang perjanjian ini berkuatkuasa akan:

- a. Menjalankan semua liabilitinya dalam mematuhi perjanjian ini dengan cekap dan sejajar dengan komersial yang kukuh, mengikut piawaian perindustrian dan mengikut amalan-amalan dalam melakukan kerja atau transaksi yang sama;

(.....)  
CLAB

(.....)  
KONTRAKTOR

- b. Dengan notis bertulis memberitahu pihak yang lain :
- i. Mana-mana tindakan litigasi undang-undang atau tuntutan (secara material) melibatkan PBA;
  - ii. Apa-apa pertikaian material dengan mana-mana Pihak Berkuasa Berkaitan atau Kerajaan atau badan berkanun yang melibatkan perjanjian lain yang boleh menjejaskan perjanjian ini;
  - iii. Mana-mana kontroversi mogok buruh yang menentang pihak tersebut atau yang mungkin menjejaskan perjanjian ini;
  - iv. Apa-apa perkara yang telah menjejaskan atau mungkin menjejaskan keupayaan pihak tersebut untuk memenuhi liabilitinya dan kedudukan kewangannya yang berkaitan dengan perjanjian ini.

8. **KEENGGARAN**

Tanpa menjejaskan mana-mana remedi lain yang CLAB akan perolehi, perjanjian ini boleh ditamatkan oleh CLAB dengan memberikan notis secara bertulis kepada Pihak Majikan jika berlaku kejadian-kejadian seperti berikut:

- a. Pihak Majikan melakukan atau mengancam untuk melanggar mana-mana surat daripada perjanjian ini, waranti-waranti projek dan liabiliti mereka yang terkandung di dalam perjanjian ini;
- b. Pihak Majikan berhenti atau mengancam untuk berhenti menjalankan perniagaannya;
- c. Sekiranya satu petisyen diberikan atau satu perintah dibuat untuk menghentikan operasi syarikat Pihak Majikan atau sekiranya seseorang telah dilantik sebagai pemegang bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada asetnya;

(.....)  
CLAB

(.....)  
KONTRAKTOR

- d. Jika Pihak Majikan melakukan mana-mana perbuatan salah laku atau kecuaiian sama ada bersifat peribadi atau professional.
- e. Jika perlantikan Pihak Majikan sejajar dengan syarat perjanjian ini menyalahi undang-undang atau dilarang oleh mana-mana statut, undang-undang atau peraturan.

**8. CUKAI**

Segala urusan pencukaian tertakluk kepada undang-undang negara Malaysia di mana setiap pihak akan menanggung cukai termasuk cukai-cukai lain yang tertunggak hasil daripada urusanniaga yang dinyatakan didalam perjanjian ini.

**9. INSURAN**

Pihak Majikan bersetuju untuk membayar insuran PBA dan akan membeli insuran dari mana-mana syarikat insurans yang diiktiraf oleh CLAB.

**10. KEBOLEHASINGAN**

Mana-mana terma, syarat atau akujanji yang terkandung di dalam perjanjian ini yang melanggar undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan akan terbatal setakat itu sahaja tanpa membatalkan mana-mana terma lain yang terkandung di dalam perjanjian ini dan hendaklah kekal boleh dikuatkuasakan.

**11. PENEPIAN**

Kegagalan mana-mana pihak untuk mematuhi mana-mana syarat dan peruntukan di dalam Perjanjian ini tidak akan dianggap sebagai satu penepian terhadap syarat-syarat atau satu penepian terhadap hak pematuhan keatas kedua pihak di dalam perjanjian ini. Tiada penepian mana-mana syarat-syarat dan peruntukan-peruntukan akan dianggap telah dibuat melainkan secara bertulis dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

(.....)  
CLAB

(.....)  
KONTRAKTOR

**12. PERJANJIAN**

- a) Pihak-pihak di dalam perjanjian ini dari semasa ke semasa hendaklah mengkaji semula peruntukan-peruntukan di dalam perjanjian ini dengan tujuan untuk membuat sebarang perubahan, pindaan atau pengubahsuaian yang sesuai;
- b) Segala perubahan, pindaan atau pengubahsuaian yang dipersetujui oleh pihak-pihak perjanjian ini hendaklah secara bertulis dan ditandatangani oleh pihak yang diberikuasa oleh pihak-pihak perjanjian ini.

**13. MASA**

Masa adalah menjadi obligasi di dalam Perjanjian ini yang menghubungkan dengan segala peruntukan dalam Perjanjian ini.

**14. NOTIS**

Apa-apa permohonan notis atau notis yang perlu diserahkan oleh mana-mana diantara kedua-dua pihak perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan dianggap telah diserahkan: -

- a. Jika notis diberi oleh salah satu pihak tersebut secara pos berdaftar dialamatkan kepada alamat terakhir pihak yang lain notis tersebut akan dianggap telah diterima dalam tempoh penghantaran pos yang biasa;
- b. Jika penghantaran notis dibuat secara serahan tangan kepada pihak yang lain secara peribadi atau dihantar ke alamat berdaftar pihak yang lain serahan itu dikira berjaya diserahkan walaupun pihak yang lain enggan mengakui penerimaan serahan tersebut.

(.....)  
CLAB

(.....)  
KONTRAKTOR

**15. PERUNTUKAN PELBAGAI**

- a. Perjanjian ini telah dibuat di Malaysia dan hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia;
- b. Perjanjian ini akan mengikat perwakilan peribadi masing-masing dan pengganti hak milik pihak-pihak perjanjian ini;
- c. Tajuk setiap peruntukan yang terkandung di dalam perjanjian ini adalah hanya untuk kemudahan rujukan dan tidak akan digunapakai di dalam tafsiran dan pembinaan mana-mana peruntukan yang terkandung di dalam perjanjian ini;
- d. Perjanjian ini akan merangkumi keseluruhan perjanjian antara kedua-dua pihak dan menggantikan kesemua perjanjian terdahulu samada secara bertulis atau lisan dan tiada pengubahsuaian atau pindaan terhadap mana-mana peruntukan perjanjian ini akan berkuatkuasa melainkan ia dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh wakil-wakil yang diberikuasa oleh kedua-dua pihak perjanjian ini;
- e. Lampiran yang dilampirkan di dalam perjanjian ini hendaklah di baca dan menjadi sebahagian daripada perjanjian ini.

**16. FORCE MAJUERE**

Sekiranya terdapat kegagalan oleh mana-mana di antara kedua-dua pihak untuk memenuhi kewajipannya di bawah perjanjian ini disebabkan oleh bencana semulajadi, peperangan, rusuhan, kegemparan awam, dasar kerajaan berubah, pertikaian atau apa-apa keadaan lain di luar bidangkuasa atau jangkaan, pihak yang lain akan memberi perlanjutan masa sepertimana yang diperlukan oleh pihak yang tidak dapat memenuhi obligasinya seperti yang dinyatakan dalam perjanjian ini.

**17. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN**

Sekiranya terdapat apa-apa perkara berbangkit yang tidak meliputi atau dimeterai di dalam perjanjian ini yang melibatkan kedua-dua pihak, maka kedua-dua pihak ini akan berurusan secara bekerjasama dengan niat yang baik untuk melengkapkan Perjanjian ini dan melaksanakan kepentingan untuk faedah bersama melibatkan kedua pihak.

(.....)  
CLAB

(.....)  
KONTRAKTOR

[ Ruang ini dikosongkan dengan sengaja. ]

Ditandatangani untuk dan bagi )  
pihak **CONSTRUCTION** )  
**LABOUR EXCHANGE** )  
**CENTRE BERHAD (Co. No.** )  
**634396-W)** )

-----  
PENGURUS OPERASI

Ditandatangani untuk )  
dan bagi pihak )  
Kontraktor )  
)

-----  
Nama (Pengarah):  
NO. K/P:  
NO HP:

Di hadapan saksi:

-----  
Nama (Saksi):  
NO.K/P:  
NO HP:

Cop Syarikat/Cop Meterai:

**LAMPIRAN A**  
**LAPORAN BULANAN LOKASI DAN PEMBAYARAN GAJI PBA**

**Bulan Dilaporkan :**

**Nama Syarikat :**

No	Nama Pekerja	No. Pasport	Lokasi Pekerja	Nilai Bayaran Gaji Sehari	Jumlah Bayaran Gaji Sebulan
1					
2					
3					
4					
5					
6					
7					
8					
9					
10*					

**Sila senaraikan lokasi projek – projek syarikat tuan/puan beserta tempoh projek**

No	Nama Projek Dan Lokasi	Tarikh Mula Projek	Tarikh Tamat Projek
1			
2			
3			
4			
6			
7*			

*\* atau sertakan lampiran.*



Dengan ini saya memperakui bahawa maklumat yang dikemukakan adalah tepat dan benar.

1	DIPERSETUJUI OLEH (TANDATANGAN)	
2	TARIKH	
3	NAMA	
4	JAWATAN	
5	COP RASMI SYARIKAT (Beserta Alamat)	

**Arahan:**

1. Borang fotostat adalah dibenarkan. Walaubagaimanapun tuan/puan dikehendaki untuk menandatangani borang fotostat beserta cop rasmi syarikat.
2. Tandatangan dan cop fotostat adalah **TIDAK** dibenarkan.
3. Jumlah bayaran gaji adalah termasuk segala bentuk bayaran yang diberikan kepada PBA. Termasuk gaji harian, kerja lebih masa dan caruman PERKESO bagi setiap pekerja.
4. Dokumen **WAJIB** yang perlu disertakan bersama :
  - a) Salinan slip bayaran gaji
  - b) Acknowledgement Constribution(ACR)-PERKESO
  - c) Resit Rasmi PERKESO
  - d) Borang 8A

